

# Dutch Lady, UPM buat kaji selidik

**D**UTCH Lady Milk Industries Bhd, syarikat tenusu terbesar di negara ini mahu mencapai sasaran menjadi syarikat pakar nutrisi melalui kerjasama dengan Fakulti Sains Perubatan dan Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM) melakukan penyelidikan pemakanan.

Ia berharap kerjasama kaji selidik mengenai pemakanan susu dan kesannya terhadap prestasi mental kanak-kanak Malaysia membawa faedah bersama.

Syarikat itu menganggarkan kos RM500,000 menjalankan projek yang mengambil masa enam hingga lapan bulan.

Pengarah Urusannya, Hans Laarakker, berkata kajian itu berikutan syarikat berkenaan ketika ini sedang menembusi bidang pengajian nutrisi susu dan kesan pengambilan bahan itu terhadap prestasi mental kanak-kanak di negara ini.